

Santai Bersama

Seakan menjadi trend masa kini apabila munculnya penyanyi-penyanyi baharu yang datang daripada rancangan realiti tv. Golongan ini bukannya bergelar juara namun berjaya menguasai carta lagu dan menambat hati peminat.



Aina Mentor Terlibat Dunia Seni **SEJAK KECIL**

Penulis mengambil contoh seperti Sandra yang popular dengan lagu Hey! Kau dan Aina Mentor yang popular dengan lagu berjudul Ini Yang Kau Mahu. Kedua-duanya tidak menjuarai rancangan yang disertai namun rezeki lebih berpihak kepada mereka.

Baru-baru ini penulis bertemu dengan Aina Mentor atau nama penuhnya Nurul Aina Abdul Ghani. Walaupun terikat dengan jadual belajar namun penyanyi berasal dari Johor Bahru ini memberikan komitmen yang tinggi untuk menjayakan sesi fotografi. Satu sikap yang harus dicontohi oleh pendaatang-pendatang baharu yang lain.

Bagi sesiapa yang masih belum mengenali siapa Aina Mentor, anak bongsu daripada lima beradik ini merupakan protégé kepada ratu rock, Ella dalam rancangan Mentor Legend 2015. Menurut Aina, dia bersyukur kerana rezekinya dalam bidang yang dicintainya ini tidak terhenti setakat di rancangan tersebut sahaja.

Bercerita mengenai bakatnya dalam bidang nyanyian, menurut Aina minatnya terhadap bidang tersebut sudah berputik sejak kecil lagi. Suaranya adalah kurniaan Allah SWT dan dia menggunakan sebaik mungkin anugerah tersebut. Malah, ketika kecil dia sudah berpengalaman membuat persembahan di khalayak ramai.



Sesekali turun ke dapur membantu ibu memasak.



Aina merupakan protégé kepada Ella.

"Alhamdulillah dengan bakat dan suara yang Allah kurniakan kepada saya. Saya memang suka menyanyi sejak kecil lagi. Malah, penglibatan saya dalam dunia seni bermula sejak zaman kanak-kanak apabila sering mengadakan persembahan di majlis-majlis perkahwinan. Dari situ saya belajar berhadapan dengan khalayak ramai dan mengasah suara.

"Dalam dunia nyanyian ini, saya memang tidak mudah berputus asa kerana ia impian sejak kecil. Malah, penglibatan saya dalam bidang seni sedikit sebanyak dapat membantu memantapkan kewangan ibu. Bagi saya, ibu adalah sumber inspirasi selain penyanyi Adele, Coldplay dan Yuna.

"Kemudian sebelum saya menyertai Mentor Legend, pada tahun 2014 saya sertai World Championship of Performing Arts di Los Angeles dan memenangi tempat pertama bagi kategori vokal. Selepas itulah saya sertai Mentor Legend dan alhamdulillah dapat tempat kedua," ujarnya yang kini sedang belajar di Universiti Ucsi Cheras dalam tahun pertama.

Bijak Bahagikan Masa

Melakukan dua perkara dalam masa yang sama adakalanya memenatkan. Malah, kalau tidak pandai membahagikan masa, ia akan jadi seperti pepatah yang dikejar tidak dapat yang dikendong bercirikan. Justeru itu, Aina mengambil langkah bijak apabila dia menyusun jadual mengikut kemampuan. Apa yang penting, pelajaran perlu diutamakan terlebih dahulu.

"Menjadi seorang pelajar dan dalam masa yang sama bergelar penyanyi, memerlukan saya merancang masa dengan bijak dan berkesan. Maklumlah, sebagai pelajar saya perlu ke kelas dan adakalanya menyiapkan tugas yang diberi. Apapun, saya akan utamakan pelajaran dahulu memandangkan saya baru tahun pertama.

"Alhamdulillah setakat ini saya tidak menghadapi masalah dalam pembahagian masa. Pagi hingga ke petang saya akan berada di universiti mengikuti kelas. Manakala sebelah malam pula saya akan menyertai *gig*. Saya bersyukur kerana tidak terlalu pening memandangkan jurusan yang saya ambil adalah muzik. Selain itu kalau ada masa terluang saya akan mencipta lagu.

"Bagi memastikan stamina saya sentiasa berada dalam keadaan baik memandangkan jadual saya agak padat, saya akan pastikan tidur mencukupi. Bagi saya hal ini penting kerana tidur yang cukup menghalang kita daripada lesu dan keletihan.

"Saya juga amalkan pengambilan teh hijau bersama lemon untuk detox setiap pagi dan malam selain untuk menguruskan badan. Saya sedar, imej adalah penting buat seorang penyanyi. Begitu juga dengan kesihatan," ujarnya.

Rebut Peluang Berniaga

Menurut Aina, dia pernah melibatkan diri dengan perniagaan. Namun, atas sebab-sebab tertentu, perniagaannya itu terpaksa ditutup. Kini dia mahu mencuba pula dengan bisnes lain dan tidak mahu terlalu bergantung kepada bidang nyanyian.

"Sebelum ini saya pernah terlibat dengan bisnes tudung di Kuala Kangsar, Perak. Namun disebabkan saya terlalu sibuk belajar, saya terpaksa tutup buat seketika. InsyaAllah kalau ada peluang saya akan buka kembali bisnes tersebut.

"Terbaharu, saya akan terlibat dengan satu festival bersama beberapa selebriti lain di Shah Alam. Saya bercadang untuk menjual nasi lemak resipi ibu saya," katanya yang baru melancarkan single terbaharunya di stesen radio popular. Malah, dia juga berjinak dengan dunia lakonan untuk drama Seindah Takdir yang akan ditayangkan di TV3 tidak lama lagi. **AW**